

Headline	Warga universiti diakui menyumbang kejayaan		
Date	30. May 2008	Language	MALAY
Media Title	Berita Harian	Page No	31
Section	Pendidikan	Article Size	79 cm2
Circulation	217920	Frequency	Daily
Readership	2083000	Color	Full Color



## Warga universiti diakui menyumbang kejayaan

**K**AKITANGAN universiti berfungsi sebagai penyumbang kepada kecemerlangan sesebuah institusi, sekali gus menjadikan institusi berkenaan muncul pusat pengajian tersohor hingga ke peringkat global.

Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Dr Nik Mustapha Raja Abdullah, berkata kecemerlangan boleh dipupuk menerusi penerapan etika kerja, selain memperkasakan nilai diri untuk menjadi warga berjaya dan terbilang di peresada antarabangsa.

Beliau berkata, setiap kakitangan perlu memiliki semangat untuk mencipta kejayaan dan menjadi modal insan gemilang dengan mempunyai sifat keperibadian tinggi.

Apa juga perlakuan pincang, katanya, seharusnya tidak berulang malah bertekad membina keluruhan, kejujuran, keharmonian dan kesejahteraan.

"Kita perlu membina benteng kukuh daripada anasir yang boleh menggugat keperibadian dan meracuni pemikiran untuk maju

"Dalam usaha memupuk dan mengukuhkan etika kerja dan nilai murni di kalangan penjawat awam, kerajaan sudah membentuk beberapa dasar antaranya, kepimpinan melalui teladan, budaya kerja cemerlang serta bersih, cekap dan amanah," katanya ketika berucap pada majlis Sambutan Hari Pekerja UPM dan Majlis Penutup Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, di Serdang, semalam.

Hadir sama Pengerusi Lembaga Pengerah UPM, Tan Sri Dr Zainul Arif Hussain dan Presiden Cuepacs, Omar Osman.

Umumnya, Nik Mustapha berkata, etika kerja dan nilai murni membina landasan cemerlang terhadap penguurusan dan pentadbiran sesebuah organisasi atau masyarakat.